KATA GANTI NAMA DALAM DIALEK KERINCI

ROZAIMAH RASHIDIN & NOR DIYANA SAUPI
rozai451@salam.uitm.edu.my , diyana_saupi@ salam.uitm.edu.my
Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam
Malaysia

ABSTRAK

Kata ganti nama merupakan subsistem dari sistem nama yang lebih besar dan boleh dibahagikan kepada tiga pecahan lagi iaitu kata ganti nama diri, ganti nama petunjuk dan ganti nama tanya. Ganti nama diri digunakan oleh manusia untuk merujuk kepada diri sendiri atau kepada manusia yang lain (Asmah Omar, 2008). Kajian deskriptif secara struktural dalam konteks sosiolinguistik ini meneliti kata ganti nama pertama, kedua dan ketiga dalam situasi tidak formal. Kajian ini juga bertujuan untuk mendokumentasikan dan melihat kata ganti nama dalam dialek Kerinci yang berasal dari Sumatera, Indonesia. Menurut Asmah Omar (2005) adanya komuniti-komuniti Jawa, Acheh, Mandaling, Kerinci dan sebagainya di Semenanjung Malaysia adalah sebagai hasil daripada kecenderungan merantau dalam kalangan penduduk di Gugusan Kepulauan Melayu. Komuniti Kerinci mula berhijrah ke Tanah Melayu seawal tahun 1900. Selain daripada faktor merantau dan mencari rezeki, golongan ini telah berhijrah ke Tanah Melayu kerana melarikan diri daripada penjajah Belanda yang mendiami Indonesia pada ketika itu. Antara negeri yang dikesan terdapatnya komuniti Kerinci ini ialah negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Selangor, dan Kuala Lumpur. Namun, kajian ini hanya memfokuskan pada satu kawasan sahaja, iaitu kawasan Kampung Parit Tengah, Yong Peng, Johor.

Kata Kunci: kata ganti nama, kajian deskriptif, sosiolinguistik, Dialek Kerinci

ABSTRACT

Pronoun is a subsystem that belongs to a noun. In Malay language, pronouns can be divided into three categories: personal pronouns, demonstrative pronouns and interrogative pronouns. Personal pronouns are use by people to refer themselves or others (Asmah Omar, 2008). This structural descriptive study in sociolinguistics context is aimed to explore three common personal pronouns in Malay language which are first-person pronouns, second-person pronouns and third-person pronouns in informal usage. This study also aimed for documentation and examine personal pronouns in Kerinchi dialect origin from Sumatera, Indonesia. Asmah Omar (2005) found that the existence of Java, Acheh, Mandaling and Kerinchi communities in Peninsular Malaysia was the results of tendency to travel among the Malay Archipelago's peoples. Kerinchi communities started to migrate to Malaya as early as 1900. Besides travel and work factors, this community migrated to Malay Archipelago as to escape from Dutch colonial that ruled Indonesia during that time. Kerinchi communities can be found in Johor, Malacca, Negeri Sembilan, Perak, Selangor and Kuala Lumpur. However, this study only focusing on Kerinchi communities at Kampung Parit Tengah Yong Peng, Johor.

***Key Words**: pronoun, descriptive study, sociolinguistics, Kerinchi dialect*

Pengenalan

James T. Collin (1997:777) menyatakan, pada zaman imperialis, iaitu era yang bercirikan eksploitasi sumber-sumber alam secara besar-besaran, Semenanjung Malaysia mula menyerapkan kelompok-kelompok imigran dari daerah lain dalam wilayah Nusantara. Pada tahap awal fenomena ini, imigran itu terdiri daripada bala tentera serta pelombong yang diupah oleh raja dan penghulu Melayu Semenanjung; kebanyakan pendatang ini ialah lelaki dari Pulau Sumatera yang kebanyakannya akan berkahwin dengan wanita Melayu Semenanjung. Kewujudan komuniti-komuniti Jawa, Acheh, Mandaling, Kerinci dan sebagainya di Semenanjung Malaysia adalah sebagai hasil daripada kecenderungan merantau dalam kalangan penduduk di Gugusan Kepulauan Melayu (Asmah Omar, 2005). Penghijrahan besar-besaran ke daerah yang berbahasa Melayu ini suatu fenomena demografi yang terjadi antara tahun 1880 hingga 1950 secara beransur-ansur mempengaruhi ragam bahasa Melayu yang dituturkan di daerah-daerah tertentu.

Salah satu komuniti yang berhijrah ke Tanah Melayu ialah masyarakat Kerinci yang berasal daripada daerah Jambi, Sumatera, Indonesia. Mereka bertutur menggunakan bahasa yang dikenali sebabagi bahasa Kerinci atau dielak Kerinci. Bahasa Kerinci ialah salah satu cabang bahasa Austronesia yang menjadikan dialek Kerinci sebagai satu dialek yang dipertuturkan oleh para pengguna bahasa tersebut. Kata ‘kerinci’ berasal daripada bahasa Tamil: *Kurinji*, iaitu nama bunga kurinji (*Strobilanthus*) yang tumbuh di India selatan yang merupakan bunga yang tumbuh di kawasan pergunungan. Pada asalnya ‘kerinci’ ialah nama sebuah gunung dan tasik, kemudian wilayah yang berada di sekitarnya disebut dengan nama yang sama. Oleh itu daerah itu disebut Kerinci (“Kurinchai” atau “Kuncai” atau Kinchai dalam bahasa tempatan), dan penduduknya pula disebut sebagai orang Kerinci. Walaupun komuniti Kerinci ini dianggap sebagai sebuah komuniti yang minoriti, tetapi komuniti ini masih wujud di negara kita dan merupakan satu warisan hasil daripada kecenderungan merantau dalam kalangan penduduk di Gugusan Kepulauan Melayu suatu ketika dahulu. Kewujudan penutur dialek Kerinci ini telah menambahkan lagi kepelbagaian dan keunikan dialek-dialek Melayu yang terdapat di Malaysia dan sewajarnya ia perlu dikaji dan diteliti agar terus terpelihara serta diperkasakan penggunaanya.

Kajian terhadap dialek Kerinci dalam konteks Malaysia telah dilakukan oleh Mohd. Isa Fahry (1971) yang melihat dan membandingkan aspek fonologi dialek Kerinci dengan bahasa Melayu standard yang dituturkan di kawasan Ulu Langat Selangor. Manakala kajian yang dilakukan oleh Rozaimah, Nurul Huda, Amirah dan Midiyana (2011) pula meneliti penggolongan kata kerja dalam dialek Kerinci. Penggolongan kata dibuat mengikut pengkategorian yang telah dilakukan oleh Asmah Omar (2008) iaitu kata kerja terdiri daripada kata kerja unggulan, kata kerja terbitan, kata kerja berlapis, kata kerja transitif dan tak transitif, kata kerja transitif jati dan transitif semu, kata kerja pembuatan / proses serta kata kerja keadaan / satif. Seterusnya kajian mengenai sistem panggilan atau lebih khususnya penggunaan kata panggilan dalam keluarga masyarakat Kerinci telah dilakukan oleh Rozaimah (2011). Kajian sistem panggilan yang difokuskan hanya tertumpu kepada keluarga terdekat sahaja, iaitu melibatkan kata panggilan untuk moyang, datuk dan nenek, ibu dan bapa, adik-beradik, ibu dan bapa saudara, anak saudara, cucu dan cicit. Kata panggilan merupakan nama yang diberikan kepada individu berdasarkan kedudukannya dalam keluarga yang dapat membezakan tentang jantina dan tahap generasi individu tersebut dalam keluarga. Dalam erti kata lain, kata panggilan keluarga merupakan kata yang menggantikan nama yang digunakan untuk manusia dalam penentuan gender, rujukan, dan kedudukan dalam keluarga.

Berdasarkan beberapa kajian lepas tentang dialek Kerinci jelas mengambarkan bahawa masih banyak lagi aspek linguistik yang boleh diterokai terhadap dialek Kerinci ini. Untuk mempelbagaikan kajian terhadap dialek Kerinci maka kertas kerja ini membincangkan aspek kata ganti nama diri dalam dialek Kerinci. Kajian deskriptif secara struktural dalam konteks sosiolinguistik ini meneliti kata ganti nama pertama, kedua dan ketiga dalam situasi tidak formal. Kajian ini juga bertujuan untuk mendokumentasikan dan melihat kata ganti nama dalam dialek Kerinci yang berasal dari Sumatera, Indonesia yang dituturkan di kawasan Kampung Parit Tengah, Yong Peng, Johor.

Dalam kajian ini, pendekatan yang diusahakan oleh Dell Hymes (1974) akan digunakan. Mengikut Hymes, skop sosiolinguistik dihubungkan dengan bahasa sebagai komunikasi atau alat komunikasi. Dengan ini, Hymes melihat bahasa sebagai tidak terpisah daripada sistem-sistem sosial dan budaya lain yang beroperasi dalam sesebuah masyarakat. Untuk meneliti bahasa dalam

konteks itu, yakni sebagai sebahagian yang bersepadu sifatnya daripada organisasi sosiobudaya serta perlakuan umum, Hymes mencadangkan pendekatan pelbagai disiplin. Hymes menggunakan perkaedahan yang diberi nama etnografi komunikasi. Etnografi komunikasi adalah penghuraian saintifik terhadap cara atau amalan berbahasa sesebuah masyarakat, yang memberi perhatian kepada pelbagai faktor bukan bahasa, yakni sosial yang didapati mempengaruhi sesebuah komunikasi itu (Teo 1998). Sosiolinguistik dianggap sebagai satu bidang disiplin linguistik. Bidang ini meneliti segala aspek hubungan antara bahasa dengan masyarakat (Teo 1998). Sosiolinguistik bermaksud pengkajian mengenai hubungan bahasa dengan masyarakat. Bidang kajian ini menitik beratkan hubungan antara struktur bahasa dengan struktur masyarakat, iaitu linguistik dari sudut kebudayaan, pengguna, dan penggunaan bahasa serta latar belakang masyarakat (Mohd Afif 1998).

Trudgill (1978) menganggap sosiolinguistik merupakan cabang linguistik yang meninjau bahasa sebagai gejala sosial dan kebudayaan. Ia menggunakan bahan, metodologi atau hasil-hasil kajian bidang sains social, khususnya sosiologi dan antropologi social, tetapi menimba juga dalam beberapa aspek geografi sosial atau kemasyarakatan. Holmes (2001), mengatakan bahawa:


> "…sosiolinguistic study the relationship between language and society. They are interested in explaining why we speak differently in different social contexts, and they are concerned with identifying the social functions of language and the way it is used to convey social meaning".

Secara umumnya, sosiolingusitik ditakrifkan sebagai satu bidang dalam disiplin lingistik yang meneliti segala aspek yang berkenaan hubungan antara bahasa dengan masyarakat. Hubungan antara bahasa dengan masyarakat adalah amat amat kompleks sifatnya. Nama sosiolinguistik terbentuk daripada dua istilah iaitu "sosio" (kependekan daripada "sosiologi" yakni ilmu yang meneliti masyarakat dan "linguistik", ilmu yang memenili bahasa. Sosiolinguistik sering dianggap sebagai terbina daripada dua disiplin. Dengan sifat kacukan antara dua ilmu itu, sosiolinguistik sebagai satu bidang ilmu yang memberi tumpuan kepada dua entiti iaitu bahasa dan masyarakat.

Latarbelakang Komuniti Kerinci di Kampung Parit Tengah Yong Peng Johor

Komuniti Kerinci yang tinggal di Kampung Parit Tengah, Yong Peng, Johor berasal dari Kota Semurup, Sungai Penuh, Jambi Sumatera, Indonesia (Rujuk Rajah 1). Mereka telah berhijrah ke Tanah Melayu sekitar tahun 1900. Selain di Kampung Parit Tengah, Yong Peng, Johor, menurut Mohd. Isa Fahry Yassin (1971) pula, di daerah Ulu Langat, Selangor juga terdapat beberapa buah kampung yang penduduknya hampir keseluruhan terdiri daripada suku Kerinci yang berasal dari Sumatera, Indonesia. Antara kampung-kampung tersebut ialah Sungai Lui, Sungai Gahal, Sungai Semungkis dan Panson. Di kawasan Lembah Pantai, Kuala Lumpur juga terdapat komuniti Kerinci ini, dan mereka pula menetap di Taman Desa Kerinchi, Jalan Pantai Permai 12, Kuala Lumpur.

Kampung Parit Tengah terletak di Daerah Yong Peng, Johor (Rujuk Rajah 2). Kampung ini telah dibuka seawal tahun 1920. Antara suku kaum yang mendiami kampung ini ialah Kerinci, Jawa dan Banjar. Namun begitu, hampir 90% penduduk adalah dari suku kaum Kerinci. Dianggarkan bilangan orang Kerinci yang kini menetap di Kampung Parit Tengah ini adalah seramai 250 orang. Sejak pembukaannya, kampung ini telah diketuai oleh enam orang ketua kampung iaitu Haji Abas Ria, Haji Samsuri, Haji Depati Talib, Haji Maulana Mohd. Salleh, Haji Muklar Sari, Haji Tamsor Nawih dan terkini Haji Bustamam Muslim. Kampung ini telah dibuka dan diteroka oleh ketua kampung yang pertama iaitu Haji Abas Ria. Beliau dan beberapa orang lagi merupakan kumpulan pertama perantau dari Kota Semurup, Sungai Penuh, Jambi Sumatera, Indonesia yang datang ke Tanah Melayu. Antara faktor kedatangan mereka ke Tanah Melayu ketika itu adalah untuk mencari rezeki dan mengumpul kekayaan. Pada awal pembukaannya, kampung ini merupakan sebuah kampung yang menjalankan aktiviti pertanian seperti penanaman ubi kayu, jagung, nenas, pisang dan keledek serta padi huma. Kini, kawasan kampung ini kebanyakannya dikelilingi dengan tanaman kelapa sawit yang diusahakan secara berkelompok oleh penduduk kampung. Ada juga penduduk kampung yang bekerja di Pekan Yong Peng dan Bandar Batu Pahat.



Rajah 1: Peta Daerah Kerinci, Sumatera Indonesia



Rajah 2: Peta Kampung Parit Tengah, Yong Peng Johor

Kata Ganti Nama Diri dalam Dialek Kerinci

Kata ganti nama merupakan kata yang menggantikan nama khas yang digunakan kepada manusia dan bukan manusia. Kata ini terbahagi keada tiga iaitu kata ganti nama pertama, kedua dan ketiga (Nor Hashimah et al, 2005). Kata ganti nama merupakan subsistem dari sistem nama yang lebih besar dan boleh dibahagikan kepada tiga pecahan lagi iaitu kata ganti nama diri, ganti nama petunjuk dan ganti nama tanya. Ganti nama diri digunakan oleh manusia untuk merujuk kepada diri sendiri atau kepada manusia yang lain (Asmah Omar, 2008). Jadual 1 menunjukkan kata ganti nama asas dalam bahasa Melayu Standard, manakala dalam Jadual 2 pula memaparkan kata ganti nama diri asas dalam dialek Kerinci.

Jadual 1: Kata Ganti Nama Diri Asas Dalam Bahasa Melayu Standard (BMS)

Diri	Mufrad	Jamak
Pertama	Saya, aku, beta, patik, ku	Kami, kita, patik, sekalian
Kedua	Kamu, engkau, awak, anda, kau, mu	Kamu semua, engkau semua, awak semua
Ketiga	Dia, beliau, ia, ia, nya	mereka

Jadual 2: Kata Ganti Nama Diri Asas Dalam Dialek Kerinci (DK)

Diri	Mufrad		Jamak	
	BMS	DK	BMS	DK
Pertama	Saya	sajɔ	Kami	kammiʔ
	Aku	aku	Kita	kitɔ
	Beta	-	Patik	-
	Patik	-	Sekalian	-
	Ku	-		
Kedua	Kamu	ikɔ	Kamu semua	ikɔ galu galu
	Engkau	ikɔ	Engkau Semua	ikɔ galu galu
	Awak	ikɔ	Awak semua	ikɔ galu galu
	Anda	-	-	-

	Kau	ka^{w}u (Tidak Sopan)	-	-
		əmpɔ (Lelaki Sebaya)	-	-
		supiʔ (Perempuan Sebaya	-	-
Ketiga	Dia	ɲu	Mereka	ikɔ ikɔ
	Beliau	-	-	-
	Ia	-	-	-
	Ianya	-	-	-
	Nya	-	-	-

Peringkat Sosiolinguistik Dialek Kerinci

Sosiolinguistik merujuk kepada keadaan sosial sesuatu unsur bahasa itu digunakan. Dalam hal ganti nama diri dengan mengambil kira konteks sosiolinguistik, kata ganti nama boleh dibahagikan kepada kepada peringkat-peringkat seperti neutral, hormat / halus, dan intim / kasar (Asmah Omar (2008).

Jadual 3: Peringkat Sosiolinguistik Penggunaan Ganti Nama Diri Dalam Bahasa Melayu Standard

Peringkat	Ganti Nama Diri
Neutral	saya, anda, dia, kami, kita mereka
Hormat / Halus	patik, beta, beliau
Intim / Kasar	Kamu, engkau, kamu, awak

Jadual 4: Peringkat Sosiolonguistik Penggunaan Ganti Nama Diri Dalam Dialek Kerinci

Peringkat	Ganti Nama Diri
Neutral	/sajɔ/
	/kammiʔ/
	/kitɔ/
	/ikɔ/,
	/ɲu/
	/ikɔ galu galu/
	/ikɔ ikɔ/
Hormat / Halus	-

Intim	/aku/
	/əmpɔ/
	/supiʔ/
Kasar	/ka^{w}u/

Kata Ganti Nama Diri Pertama (Mufrad)

Saya = /sajɔ/

1. DK : [sajɔ naʔ kə dumɔ naʔ nu^{w}ai padi]

   BMS : Saya hendak ke huma, hendak tuai padi.

Aku = /aku/

2. DK : [aku idaʔ kəcənen niŋuʔ kəlakun ikɔ]

   BMS : Aku tidak berkenan melihat kelakuan kau.

Berdasarkan data ayat (1) dan ayat (2) di atas, dapat dilihat penggunaan kata ganti nama diri pertama (mufrad) di dalam dialek Kerinci tidak menunjukkan perbezaan ketara dengan BMS. Kata ganti nama diri pertama (mufrad) /sajɔ/ di dalam ayat (1) dialek Kerinci sama sahaja dengan BMS melainkan cara sebutannya yang menggantikan vokal [a] dengan [ɔ] di hujung kata. Manakala kata ganti nama diri pertama (mufrad) di dalam ayat (2) iaitu /aku/ mengekalkan ejaan dan sebutan yang sama dengan BMS. Penggunaan /sajɔ/ dan /aku/ memberikan fungsi yang menunjukkan kemesraan dan tidak mengira status sosial penutur. Ini bermakna, setiap penutur dialek Kerinci boleh menggunakan kedua-dua ganti nama diri pertama (mufrad) ini tanpa mengira situasi formal atau tidak, jantina, kedudukan di dalam masyarakat dan juga umur.

Kata Ganti Nama Diri Pertama (Jamak)

Kami = /kammiʔ/

3. DK : [umah kammiʔ la ubɔh diguncɔŋ gəmpɔ]

   BMS : Rumah kami telah roboh digoncang gempa bumi.

Kita = /kitɔ/

4. DK : [kitɔ inni diǰəmpuʔ kə umah uhaŋ kənuhi]

BMS : Kita ini dijemput ke rumah orang kenduri.

Bagi kata ganti nama diri pertama (jamak) di dalam ayat (3) dan ayat (4) iaitu /kammiʔ/ dan /kitɔ/ pula dapat melibatkan penggunaan kata ganti nama diri bagi merangkumi diri penutur dan juga pendengar. Kedua-dua penggunaan kata ganti nama diri ini walaupun di dalam kelompok yang sama tetapi berbeza kerana kata /kammiʔ/ atau /kami/ tidak termasuk sekali dengan individu yang sedang berlawan tutur dengan penutur. Manakala bagi kata /kitɔ/ atau /kita/ pula merangkumi kedua-dua penutur dan juga pendengar. Fungsi kata ganti nama diri pertama (jamak) di dalam dialek Kerinci tidak berbeza dengan BMS kerana tiada pengkhususan jantina, peringkat umur mahupun status sosial di dalam masyarakat diperlukan untuk menggunakannya.

Kata Ganti Nama Diri Kedua (Mufrad)

Kamu, Engkau, Awak = /ikɔ/

5. DK : [kalu ikɔ abih bəgauwɛ kəlu^{w}a ǰaʔ febrɛʔ iləʔ təruh baleʔ kə umah]

BMS : Kalau kamu / awak habis bekerja, keluar dari kilang terus balik ke rumah.

Kau = /ka^{w}u/

6. DK : [aku kimaʔ kəlakun ka^{w}u idaʔ sənunoh]

BMS : Aku lihat kelakuan kau tidak senonoh.

Kau (Lelaki Sebaya) = /əmpɔ/

7. DK : [pi^{j}u əmpɔ naʔ dəreh dəreh]

BMS : Kenapa kau hendak cepat cepat?

Kau (Perempuan Sebaya) = /supiʔ/

8. DK : [manen supiʔ ɲəsah kaen baǰu]

BMS : Bagaimana kau basuh kain baju?

Kata ganti nama diri kedua (mufrad) /ikɔ/ ini digunakan oleh penutur untuk merujuk kepada orang yang dilawan tutur. Pemilihan kata /ikɔ/ di kalangan penutur dialek Kerinci bukanlah sesuatu yang asing memandangkan kata ini adalah sopan, mesra dan bersifat bebas. Ianya boleh digunakan oleh sesiapa sahaja tanpa mengambil kira faktor usia penutur sama ada lebih berusia atau lebih muda. Begitu juga individu yang dilawan tutur, boleh jadi lebih muda ataupun lebih tua daripada penutur. Faktor lain seperti jantina pendengar atau mereka yang dilawan tutur juga tidak dipentingkan kerana bagi masyarakat Kerinci kata ganti nama diri kedua (mufrad) /ikɔ/ ini boleh diguna pakai oleh semua lapisan masyarakat.

Hal yang berbeza bagi kata ganti nama diri (mufrad) /ka^{w}u/. Hal ini kerana penggunaan kata ganti nama diri kedua ini hanya boleh digunakan apabila penutur berada di dalam emosi negatif sahaja, contohnya ketika penutur sedang marah atau ketika menegur perbuatan buruk seseorang. Ringkasnya, kata /ka^{w}u/ merujuk kepada kata ganti nama diri kedua yang kasar. Menariknya kata ganti nama diri kedua ini boleh digunakan oleh sesiapa sahaja. Interaksi sosial ini boleh berlaku di antara golongan muda dan golongan yang lebih berusia. Ini bermakna, penutur yang lebih muda boleh menggunakan kata ganti nama /ka^{w}u/ sebagai rujukan kepada pihak lawan tutur walaupun individu tersebut lebih tua. Sungguhpun begitu, sekali lagi ditegaskan bahawa penggunaannya adalah berdasarkan konteks perbualan itu sendiri kerana tidak sewenang-wenangnya kata /ka^{w}u/ ini digunakan oleh golongan muda sebagai rujukan kepada orang yang lebih berusia daripada mereka kerana kata ganti nama diri kedua ini hanya digunakan apabila penutur berada di dalam emosi marah.

Kata ganti nama diri (mufrad) /əmpɔ/ di dalam ayat (7) ini pula digunakan untuk merujuk kepada orang yang dilawan tutur yang berjantina lelaki sahaja. Sungguhpun begitu, penutur hanya akan menggunakan kata ganti nama ini sekiranya individu yang dirujuk itu sebaya dengan

penutur. Hal ini kerana kata ini bersifat khusus kepada pendengar yang sama peringkat umurnya dengan penutur sahaja. Penggunaaan kata ini adalah pada peringkat tidak formal, bersifat mesra serta menunjukkan hubungan yang intim di antara penutur dan pendengar. Rujukan ini tidak boleh digunakan sama sekali kepada mereka yang lebih berusia atau lebih muda kerana penutur boleh dianggap sebagai seorang tidak tahu menjaga kesopanan ketika berbahasa. Kata ganti nama diri kedua /əmpɔ/ turut digunakan sekiranya penutur ingin menegur individu yang sebaya dengannya tanpa perlu menggunakan kata ganti nama diri yang lebih kasar atau tidak sopan yang lain seperti kata ganti nama diri /ka^{w}u/, khususnya.

Perkara yang sama juga dipraktikkan bagi merujuk kepada pendengar atau rujukan kepada orang kedua untuk perempuan. Dialek Kerinci menggunakan kata ganti nama diri kedua (mufrad) /supiʔ/ untuk menggantikan kata ganti nama diri pendengar atau individu lawan tutur yang berjantina perempuan sahaja. Fungsi kata ganti nama diri ini sama seperti kata ganti nama diri kedua /əmpɔ/ untuk lelaki iaitu untuk berkomunikasi dengan mereka yang sebaya sahaja. Penutur tidak boleh menggunakan kata ganti nama diri ini untuk merujuk kepada mereka yang lebih berusia kerana penutur akan dianggap tidak menghormati orang tua. Penutur daripada pelbagai peringkat umur boleh menggunakan kata ganti nama diri kedua ini asalkan individu yang dirujuk itu merupakan seorang perempuan untuk menunjukkan kemesraan sesama mereka.

Kata Ganti Nama Diri Kedua (Jamak)

Kamu semua, Engkau semua, Awak semua = /ikɔ galu galu/

9. DK : [apu gauwɛ ikɔ galu galu nam bəruŋgu ruŋgu di təpi gərudi inni]
   BMS : Apa kamu semua buat, yang berkumpul-kumpul di tepi jalan ini.

Kata ganti nama diri kedua (jamak) /ikɔ galu galu/ ini boleh digunakan oleh sesiapa sahaja bagi merujuk kepada pendengar yang melebihi daripada seorang individu sahaja. Mereka yang dilawan tutur boleh jadi sesiapa sahaja sama ada lebih berusia, sebaya ataupun lenih muda. Penggunaan kata ganti nama diri kedua ini bersifat universal dan tidak khusus kepada mana-mana

jantina. Begitu juga taraf sosial penutur mahupun pendengar di mana tidak terbatas kepada golongan tertentu sahaja. Penggunaan kata ini juga adalah bersifat mesra dan bukan di dalam konteks yang formal.

Kata Ganti Nama Diri Ketiga (Mufrad)

Dia = /ɲu/

10. DK : [ǰaŋan ikɔ ambiʔ baraŋ ittu ɲu tuen]

BMS : Jangan ambil barang itu, dia punya.

Rujukan bagi individu ketiga tunggal di dalam komunikasi lisan dialek Kerinci ialah /ɲu/. Kata ganti nama diri ketiga ini digunakan oleh masyarakat Kerinci bagi menunjukkan hubungan keakraban di antara penutur dan individu yang dirujuk. Fungsi kata ganti nama ini sama sahaja dengan kata ganti nama diri ketiga (mufrad) di dalam BMS. Hal ini kerana, tiada perbezaan yang ketara di antara dialek Kerinci dan juga BMS.

Kata Ganti Nama Diri Ketiga (Jamak)

Mereka = /ikɔ ikɔ/

11. DK : [apu gauwɛ ikɔ ikɔ inni cubbɔ tenap tenap ǰaŋan cihuʔ cihuʔ idaʔ cəntu arah naʔ di dəŋga]

BMS : Apa dilakukan mereka ini, cuba diam diam, jangan bising bising, tidak tentu arah hendak didengar.

Menariknya kata ganti nama diri ketiga (jamak) di dalam dialek Kerinci ialah kata ganti nama diri kedua tunggal iaitu /ikɔ/ telah digandakan menjadi /ikɔ ikɔ/. Namun begitu, tidak membawa makna ganda iaitu *kau-kau* tetapi mendukung makna kata ganti nama diri ketiga (jamak) iaitu mereka. Kata ganti nama diri ketiga (jamak) /ikɔ ikɔ/ ini boleh dituturkan oleh sesiapa sahaja

bagi merujuk kepada individu ketiga yang disebutkan di dalam sesbuah komunikasi. Konteks penggunaan kata ganti nama diri ini adalah tidak formal dan tidak khusus kepada peringkat umur tertentu.

Kesimpulan

Kajian ini telah berjaya mendokumentasikan secara ringkas aspek kata ganti nama dalam masyarakat Kerinci di Kampung Parit Tengah, Yong Peng Johor. Pendokumentasian ini merupakan satu langkah awal dan dianggap penting dalam memelihara kewujudan dan identiti komuniti Kerinci supaya ‘tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas’. Penggunaan kata ganti nama dalam dialek Kerinci ini melambangkan satu sistem bahasa dan satu warisan leluhur yang dapat dipelihara serta terus diperkasakan penggunaanya oleh generasi muda dalam kalangan masyarakat Kerinci di Malaysia. Selain itu, kajian ini turut menyumbang serba sedikit kepada penyelidikan dan pemantapan korpus ilmu serta mengambarkan warna-warni kajian linguistik terhadap kepelbagian dialek di Malaysia khususnya dan di Asia amnya.

RUJUKAN

Asmah Omar. 2005. *Alam dan penyebaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Omar. 2008. *Nahu Kemaskini: panduan bahasa yang baik dan betul*. Batu Cave: PTS Professional Sdn. Bhd.

Holmes, J. 2001. *An introduction to sosiolinguistics (2nd edition).* London: Longman.

http://maps.google.com.my/maps/

Hymes, Dell. 1974. *Foundations in sociolinguistics: An ethnographic approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.

James T. Collin. 1997. Dialek-Dialek Melayu Yang Terancam Pupus? Laporan Dari Semenanjung Malaysia. *Dewan Bahasa*, 9 (41), 772-792.

Kerinci. Dicapai pada 25 September 2011 daripada http://ms.wikipedia.org/wiki/Kerinci.

Mohd Afif Abidin. 1998. Aspek sosiolinguistik dalam konteks Malaysia. *Jurnal Dewan Bahasa* 42 (1):81-87.

Mohd. Isa Farhy Yassin. 1971. Satu Tinjauan Ringkas: Sistem Bunyi Loghat Kerinchi dan Perbandingannya Dengan Bahasa Melayu Standard. *Dewan Bahasa,* 4 (15), 162-169.

Muhammad Bukhari Lubis. 2009. Persepsi orang Mandaling Malaysia terhadap orang Mandaling di Indonesia. Dlm. *Sama Serumpun*. Pynt. Asmah Haji Omar. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.

Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Maslida Yusof, Raja Masittah Raja Ariffin & Sa'adiah Ma'alip. 2005. *Sistem panggilan dalam keluarga Melayu: satu dokumentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rozaimah Rashidin, Nurul Huda Mohd. Saad, Amirah Ahmad & Midiyana Mohamad. 2011. Penggolongan kata kerja dialek Kerinci. *Prosiding International Conference on Humanities 2011*.

Rozaimah Rashidin, Noriza Daud & Zuraidah Jantan. 2011. Sistem panggilan kekeluargaan dalam komuniti Kerinci: satu dokumentasi ringkas. *Prosiding International Conference on Humanities 2011*.

Teo Kok Seong. 1998. Teori penelitian linguistik: kes sosiolinguistik. *Dewan Bahasa* 42 (1):59 – 67.

Trudgill, P. 1978. *Sosiolinguistik: satu pengenalan*. Terj. Nik Safiah Karim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.